



SIARAN MEDIA

TFST TERUS MENCATAT PENCAPAIAN CEMERLANG: 1,333 PROJEK DIPULIHKAN

PUTRAJAYA, 25 November 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengumumkan kejayaan penting dalam usaha memulihkan projek perumahan sakit. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu** dalam sidang media hari ini memaklumkan bahawa **Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bil. 6/2025** pada 21 November 2025 yang lalu akan terus menilai status semasa projek-projek perumahan swasta dan memperkukuh langkah intervensi bagi memastikan setiap projek yang sakit dan terbengkalai dapat dipulihkan dengan segera.

Beliau menegaskan bahawa usaha gigih TFST dalam menangani isu perumahan swasta yang bermasalah semakin menampakkan hasil yang positif. Sehingga **31 Oktober 2025**, TFST telah merekodkan sebanyak **111 projek lewat, 335 projek sakit dan 105 projek terbengkalai** di seluruh negara.

Data ini jelas menunjukkan **trend penurunan yang ketara berbanding** tempoh sebelumnya. **Jumlah projek sakit pada 31 Oktober 2025 menurun daripada 353 kepada 335 projek** manakala **projek lewat menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 24% daripada 146 kepada 111 projek**, antara penurunan tertinggi sejak penubuhan TFST pada tahun 2023. Seterusnya diikuti dengan **projek terbengkalai yang juga berkurang daripada 107 kepada 105 projek**. Penurunan konsisten ini membuktikan keberkesanan tindakan pantas dan berkesan yang dilaksanakan oleh TFST bersama pihak berkepentingan.

Sejak penubuhannya pada tahun **2023**, TFST telah mencatat **pencapaian cemerlang** dengan **1,333 projek perumahan swasta berjaya dipulihkan**, melibatkan **159,638 unit rumah** dengan **Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM126.47 bilion**.

Bagi tahun 2025 sahaja, sebanyak **395 projek sakit dan lewat** telah dipulihkan, merangkumi **44,806 unit rumah** dengan GDV berjumlah **RM33.75 bilion**. Selain itu, **11 projek terbengkalai** yang melibatkan **2,085 unit rumah** dengan GDV bernilai **RM239 juta** telah berjaya diselesaikan melalui pemulihan projek hingga memperoleh **CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan)** atau melalui kaedah **penyelesaian alternatif** kepada pembeli.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut menegaskan bahawa TFST tidak hanya bergantung kepada laporan di atas kertas, sebaliknya turut melaksanakan **lawatan tapak secara langsung** bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berpaksikan realiti sebenar di lapangan. Beliau turut menjelaskan bahawa kejayaan ini merupakan hasil **komitmen padu dan semangat kolektif** antara **pasukan TFST, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta penyedia utiliti** yang sentiasa berperanan memastikan setiap projek dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dengan segera.

“TFST akan terus menjadi benteng hadapan dalam memacu agenda pemulihan projek perumahan swasta yang sakit dan terbengkalai. Keutamaan kita adalah memastikan hak setiap keluarga yang menanti rumah mereka terjamin. KPKT tidak akan berundur dalam usaha mencapai sifar projek terbengkalai menjelang tahun 2030”, tegas beliau.

KPKT komited memperkukuh sistem pemantauan, memperluas **kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** serta mempertingkatkan tindakan intervensi bagi memastikan industri perumahan negara terus berkembang secara mampan, berdaya saing dan berintegriti.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

